

Thailand gantung laksana perjanjian damai dengan Kemboja

Malaysia bukan punca: Anwar

Peranan KL hanya selaras perjanjian, tiada kaitan tindakan Bangkok

Oleh Muhammad Yusri

yusri.muzamir(a)bh.com.my

Kuala Lumpur: Peranan Malaysia menyelaras Perjanjian Damai Kuala Lumpur antara Thailand dan Kemboja tidak ada kaitan dengan tindakan Thailand menggantung sementara persetujuan itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, keputusan Bangkok itu dilakukan selepas mengambil kira gesaan supaya Kemboja mematuhi sepenuhnya perjanjian yang bakal membawa kepada pembebasan 18 tahanan di bawah Thailand pada fasa seterusnya.

Anwar juga mempersoalkan pihak yang menjadikan kenyataan seorang bekas pegawai tentera Thailand, Mejar Jeneral Thailand, Rangsi Kitiyansap sebagai isu dalam perjanjian itu.

Beliau berkata, Perdana Menteri Thailand, Anutin Charnvirakul, tidak pernah mempertikai tanggungjawab dan peranan Malaysia sebagai pengantara bagi perjanjian itu, seperti dinyatakan dalam mesej kepada beliau,

baru-baru ini.

“Cuma dia (Anutin) kata, kena gesa Kemboja juga mematuhi sepenuhnya (perjanjian damai). Kalau tanya saya, saya doakan bagi selesailah, yang kita nak seronok kalau bergaduh sebab (semata-mata) mahu tunjuk Perdana Menteri Malaysia tak berjaya, ini sikap sangat merugikan.

“Doa untuk menggagalkan perjanjian ini semata-mata mahu tunjuk Perdana Menteri Malaysia gagal. Saya mahu doakan aman kerana kalau mereka bergaduh, kesannya adalah kepada kita.

“Panglima Angkatan Tentera,

Tan Sri Mohd Nizam Jaffar semalam (kelmarin), sudah diarahkan segera mendapatkan laporan terkini perkembangan krisis Thailand-Kemboja bagi membolehkan bantuan diberikan,” katanya.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Seri Shahidan Kassim (PN-Arau) pada sesi Pertanyaan Perdana Menteri di Dewan Rakyat semalam.

Mengenai dakwaan Rangsi, Perdana Menteri berkata, Malaysia hanya berperanan menyelaras perjanjian damai itu, sebaliknya setiap parameter ditentukan dan dipersetujui Anu-

tin bersama Perdana Menteri Kemboja, Hun Manet.

“Soal Rangsi setuju atau tidak bukan masalah kepada saya. Sama ada dia berwibawa atau tak, tidak masalah. Jika mahu kutip alasan dia tak setuju, apa kepentingannya? Adakah kerana ia diusulkan oleh Malaysia?”

“Ramai di Kemboja mengangap Thailand agresif, selain ada di pihak Bangkok beranggapan Phnom Penh melanggar prinsip (perjanjian damai). Sebab ini kita tolong rundingkan.

“Ketika Perdana Menteri Thailand dan Kemboja dipanggil, saya minta mereka tentukan paramete-



Polis dan Tentera Diraja Thailand memeriksa kawasan periuk api di Wilayah Sisasket di sepanjang sempadan Thailand-Kemboja, kelmarin.



ter, selain Malaysia hanya bantu menyelaraskan,” katanya.

Thailand kelmarin mengemukakan penggantungan pelaksanaan perjanjian damai itu susulan insiden letupan periuk api yang mencederakan dua anggota berhampiran sempadan.

Tiada masalah pihak tak bersetuju

Mengenai kenyataan Susilo Bambang Yudhoyono berkaitan Perjanjian Perdagangan Timbal Balik antara Malaysia dan Amerika Syarikat, Anwar berkata bekas Presiden Indonesia itu bimbang mengenai persetujuan Malaysia, seolah-olah ia juga dipaksa ke atas Jakarta.

“Ini tidak benar, kita bersetuju dengan pengecualian seperti (perkara) 5.2 dan 7.3 (perjanjian) yang memberi pengiktirafan kepada dasar, keselamatan, undang-undang dan peraturan negara, termasuk Dasar Bumiputera dan memelihara kepentingan tempatan.

“Ini yang dikemukakan, tiada masalah dengan pihak tidak bersetuju. Dalam negara pun ada pihak tidak bersetuju waima dalam Jemaah Menteri pun ada perbincangan panjang dan hangat, sebelum keputusan akhir dime-teraikan,” katanya.

(Foto AFP)